# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
# JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
# BERITA PERIKANAN HARI INI

**12-13 April 2021**
**1 Ramadhan 1442h**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | |
| **Berita Harian** | • ANGKASA sasar 500 ahli usaha ternak udang galah (online)<br>• Akuakultur sebagai alternative sumber perikanan domestik |
| **Harian Metro** | • Angkasa galak ahli ternak udang galah<br>• Nelayan Vietnam tangguk 40 kg gamat ditahan (online) |
| **Kosmo !** | |
| **Sinar Harian** | |
| **The Star** | |
| **New Straits Time** | |
| **Nanyang Siang Pau** | • Minister Of Agriculture: Strengthen Batu Maung jetty for tuna fish |
| **Malaysia Gazette** | |
| **Harakah** | |
| **Malaysia Dateline** | |
| **Bernama** | • Kerajaan teliti cadangan kerjasama dengan pihak swasta bangun industry tuna ( online) |
| **See Hua Daily News (Kuching)** | |
| **The Sun** | • Public-private collaboration to boost tuna industry |
| **Sin Chew Daily** | |

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | ONLINE | 12/04/2021 |
| BERITA HARIAN | / | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI ................................ | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | | |

# ANGKASA sasar 500 ahli usaha ternak udang galah

Mohd Amin Jalil - April 12, 2021 @ 9:16am
bhnews@bh.com.my



Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah (tengah) menunjukkan udang galah yang akan diterokai ahli ANGKASA. - Foto NSTP/Mohd Amin Jalil.

PORT DICKSON: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menyasarkan 500 ahli koperasi membabitkan diri dalam penternakan udang galah bagi menggalakkan perkembangan industri akuakultur.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata melalui industri akuakultur, ahli koperasi terutama golongan B40 disaran meneroka bidang penternakan udang galah.

Beliau berkata, pihaknya yakin penternakan udang galah mampu memberi pulangan yang lebih baik kepada pengusaha kerana nilai harga di pasaran yang tinggi selain permintaan yang sentiasa meningkat dari semasa ke semasa.

"Kita boleh meneroka program penternakan udang galah secara berkelompok kerana pasaran sudah tersedia dan ANGKASA akan membantu dari segi tapak penternakan dan teknologi kepada ahli koperasi yang berminat.

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | ONLINE | 12/04/2021 |
| BERITA HARIAN | / | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI ........................ | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | | | |

"ANGKASA akan bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan terutama Jabatan Perikanan dan syarikat berkaitan yang mempunyai kepakaran untuk membimbing peserta.

"Melalui kaedah berkelompok ini, kita dapat memperluaskan kepakaran khususnya dalam teknologi akuakultur terkini kepada ahli koperasi sekali gus membolehkan setiap peserta meraih kejayaan dalam projek dilaksanakan," katanya.

Beliau ditemui selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara ANGKASA dengan GK Aqua Sdn Bhd, di Ladang 100 Ekar, Bukit Pelanduk, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Sembilan, Datuk Ibrahim Abdullah; Penasihat Korporat (Sektor Kerajaan) ANGKASA, Datuk Ahmad Jamil Hashim; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ANGKASA, Nasir Khan Yahaya dan Pengasas GK Aqua Sdn Bhd, Datuk Azhar Bharuddin serta Ketua Pegawai Eksekutif GK Aqua Sdn Bhd, Giva Kuppusamy.

Abdul Fattah berkata, pihaknya akan sentiasa berusaha dan membuat perancangan rapi khususnya mencari peluang perniagaan baharu kepada ahli koperasi bagi meningkatkan pembangunan ekonomi terutama membangunkan usahawan kumpulan B40.

Beliau berkata, kerjasama dengan syarikat berkenaan akan membabitkan tempoh selama setahun di kawasan seluas kira-kira 240 hektar di Bukit Pelanduk.

"Saya berharap projek sulung ini akan berjaya dan memberi pulangan yang baik kepada peserta sekali gus dapat menjana ekonomi mereka," katanya.

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | 20 | 13/04/2021 |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | / | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI ........................... | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | | |

# Angkasa galak ahli ternak udang galah

**Port Dickson:** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan 500 ahli koperasi membabitkan diri dalam penternakan udang galah, sekali gus menggalakkan industri akuakultur dalam sektor koperasi.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, melalui industri akuakultur, ahli koperasi terutamanya dari golongan B40 disaran untuk meneroka bidang penternakan udang galah.

Katanya, pihaknya yakin penternakan udang galah mampu memberi pulangan lebih baik kepada pengusaha kerana nilai harga di pasaran yang tinggi selain permintaan yang sentiasa meningkat dari semasa ke semasa.

"Kita boleh meneroka program penternakan udang galah secara berkelompok berikutan pasaran sudah tersedia dan Angkasa akan membantu dari segi tapak penternakan dan teknologi kepada ahli koperasi yang berminat.

"Kita (Angkasa) akan bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan terutama Jabatan Perikanan dan syarikat berkaitan yang mempunyai kepakaran untuk membimbing peserta," katanya.

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| *UTUSAN MALAYSIA* | | *KOSMO !* | | *THE STAR* | | *NANYANG SIANG PAU* | | ONLINE | 13/04/2021 |
| *BERITA HARIAN* | | *SINAR HARIAN* | | *THE SUN* | | *ORIENTAL DAILY* | | | |
| *HARIAN METRO* | / | *NEW STRAITS TIMES* | | *THE MALAY MAIL* | | *PELBAGAI* .................................. | | | |
| *KATEGORI LIPUTAN :* | *POSITIF* | | *NEGATIF* | | *NEUTRAL* | | | | |

# Nelayan Vietnam tangguk 40 kg gamat ditahan

Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my



Gamat yang ditangguk nelayan asing ketika menceroboh perairan Tok Bali, Pasir Puteh pada Khamis lalu. Foto Ihsan APMM

Pasir Puteh: Cubaan nelayan asing menceroboh perairan negara dan menangguk kira-kira 40 kilogram (kg) gamat berjaya dihalang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pada Khamis lalu.

Dalam kejadian pada 3 petang itu, kehadiran nelayan dipercayai daripada Vietnam itu yang menggunakan bot warna hijau dan kelabu disedari bot peronda APMM ketika melaksanakan Ops Naga dan Ops Damai.

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | ONLINE | 13/04/2021 |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | / | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | | | |

Pengarah APMM Kelantan Kepten Maritim Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, pihaknya terpaksa mengejar bot berkenaan kira-kira 30 minit dan berjaya menahannya di kedudukan 57 batu nautika dari muara Tok Bali dekat sini.

Menurutnya, terdapat tiga kru termasuk tekong berusia antara 30 hingga 38 tahun dalam bot berkenaan dan mereka didapati tidak memiliki dokumen sah.

Katanya, pemeriksaan lanjut ditemukan gamat yang dianggarkan bernilai RM4,000.

"Turut dirampas adalah diesel kira-kira 700 liter dan peralatan menangguk gamat dengan jumlah keseluruhan rampasan dianggarkan RM300,000.

"Bot dan kesemua nelayan dibawa ke jeti APMM Kelantan di Tok Bali untuk disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap hasil laut atau cuba menangkap hasil laut tanpa kebenaran Pengarah Perikanan Malaysia.

"Sabit kesalahan boleh dijatuhkan hukuman denda RM6 juta ke atas tekong dan RM600,000 kepada awak-awak," katanya.

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| *UTUSAN MALAYSIA* | | *KOSMO !* | | *THE STAR* | | *NANYANG SIANG PAU* | / | A2 | 13/04/2021 |
| *BERITA HARIAN* | | *SINAR HARIAN* | | *THE SUN* | | *ORIENTAL DAILY* | | | |
| *HARIAN METRO* | | *NEW STRAITS TIMES* | | *THE MALAY MAIL* | | *PELBAGAI* ........................ | | | |
| *KATEGORI LIPUTAN :* | *POSITIF* | | *NEGATIF* | | *NEUTRAL* | | | | |

# 农长：与外国竞争
# 强化峇都茅金枪鱼码头

（槟城12日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪博士认为，我国金枪鱼码头仍欠缺竞争能力，因此该部致力提升和加强峇都茅码头，将槟州打造成国内主要的金枪鱼码头，以便与其他国家竞争。

他表示，金枪鱼渔业已成为我国新的经济来源之一，在大马渔业局致力发展下，于2016年把槟城与浮罗交怡港口列为在印度洋作业的金枪鱼渔船登陆的港口。

他今日访问峇都茅大马渔业发展局并在渔业局码头为Ibu Wira 1号金枪鱼船主持启动仪式后，在新闻发布会上这么指出。出席者有第一副部长阿末韩沙、第二副部长沃阿都拉，Alpha海洋资源有限公司（AORB）集团主席拿督斯里莫哈末阿都拉等。

## 达成出口国目标

询及我国目前仅有2个金枪鱼码头，是否会在日后再增设时，罗纳建迪回应，加强竞争力的问题不在于码头的数量，而是其质量。

他说，打造金枪鱼码头的重要性在于提供完善设备，如增设金枪鱼加工厂、储藏及下游工业等，通过这些优越条件使到渔船的金枪鱼渔获可更迅速运往国外，以达到我国成为金枪鱼出口国的目标。

"由区域渔业管理组织（RFMO）与印度洋金枪鱼委员会（IOTC）监管的印度洋，是世界上金枪鱼最丰富的水域之一。自1998年5月22日以来，大马已被接受为IOTC成员国，这对我国运用印度洋金枪鱼资源是一种优势。"

此外，他说，政府有意与私人界合作，加强和提升我国的金枪鱼码头设备，以便成为东南亚更具竞争力的金枪鱼码头之一。

他说，本地码头的用途不仅服务本地的金枪鱼渔船，也包括外国的渔船。因此，要在众金枪鱼码头中获得青睐，须提高其质量。

## 发印度洋捕鱼执照

"目前，我国政府可发200张金枪鱼渔船到印度洋捕鱼的执照，惟截至目前为止仅发出103的执照而已。"

他说，投入金枪鱼捕鱼业的我国渔民很多，惟注册在我国名下的却不多，因此政府决definitely提升码头来保住本地渔民之余，也吸引他国渔船的青睐做为登陆港口。



在渔业局码头为Ibu Wira 1号金枪鱼船主持启动仪式，前排左起为莫哈末阿都拉、沃阿都拉、罗纳建迪与阿末韩沙

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | ONLINE | 12/04/2021 |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI BERNAMA | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | | | |

## Kerajaan teliti cadangan kerjasama dengan pihak swasta bangun industri tuna




Menteri Pertanian dan Industri Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (dua, kiri) meninjau kapal perikanan ikan tuna milik Alpha Ocean Resources Bhd Group - Kredit: MAFI

GEORGE TOWN, 12 April – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang meneliti cadangan untuk mewujudkan kerjasama antara kerajaan dan swasta

serta menaik taraf pelabuhan pendaratan tuna sebagai usaha membangunkan industri tuna negara.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata kerjasama antara kerajaan dan swasta amat penting bagi memastikan industri tuna di Malaysia dapat

dimanfaatkan oleh semua pihak, selain menarik lebih banyak pelaburan langsung asing.

"Manfaat yang bakal diperoleh tidak hanya terhad kepada aktiviti penangkapan ikan tuna tetapi pelbagai perkhidmatan lain di sepanjang rantaian nilai industri tuna

boleh dibangunkan seperti pelabuhan, pengangkutan, penyimpanan, pemprosesan dan lain-lain.

"Industri perikanan tuna di Malaysia sedang berkembang dan membangun sebagai salah satu sumber kekayaan baharu negara," katanya pada sidang media selepas

majlis pelancaran 'Ibu Wira 1' kapal tangkapan tuna Zon C3, pembawa bendera Malaysia, di sini, hari ini.

Ronald berkata, pada 2016, Jabatan Perikanan Malaysia telah menyenaraikan dua pelabuhan di Malaysia sebagai pelabuhan pendaratan tuna bagi kapal yang

beroperasi di Lautan Hindi, iaitu Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Langkawi.

Bagaimanapun, katanya, kedua-dua pelabuhan pendaratan tuna tersebut kurang kompetitif berbanding yang terdapat di negara lain dan kerajaan sedang meneliti

keperluan industri dari segi fasiliti serta mewujudkan industri hiliran.

Justeru, dalam hal ini, cadangan pembangunan pelabuhan pendaratan tuna khasnya di Jeti Batu Maung adalah selari dengan hasrat MAFI untuk meningkatkan

kemasukan kapal tuna ke pelabuhan dan sekali gus melonjakkan hasil pendaratan tuna di Malaysia, katanya.

"Sehingga 2020, sebanyak 19 kapal perikanan ikan tuna dan sebuah kapal pengangkut tuna telah dilesenkan dan beroperasi di Lautan Hindi dengan hasil tangkapan

sebanyak 3,005.13 tan metrik dengan nilai anggaran RM40 juta.

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| *UTUSAN MALAYSIA* | | *KOSMO !* | | *THE STAR* | | *NANYANG SIANG PAU* | | ONLINE | 12/04/2021 |
| *BERITA HARIAN* | | *SINAR HARIAN* | | *THE SUN* | | *ORIENTAL DAILY* | | | |
| *HARIAN METRO* | | *NEW STRAITS TIMES* | | *THE MALAY MAIL* | | *PELBAGAI* *BERNAMA* | | | |
| *KATEGORI LIPUTAN :* *POSITIF* | | | *NEGATIF* | | *NEUTRAL* | | | | |

"Daripada jumlah tersebut, pendaratan tuna di Pelabuhan Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah pendaratan sebanyak 1,943.84 tan metrik dengan nilai anggaran

RM28 juta," katanya.

-- BERNAMA

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | 2 | 13/04/2021 |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI THE SUN | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : POSITIF | | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | | |

# Public-private collaboration to boost tuna industry

**GEORGE TOWN:** The Agriculture and Food Industries Ministry is evaluating proposals to establish collaboration between the government and private sectors to upgrade tuna landing ports to develop the country's tuna industry.

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the collaboration between the government and private sectors is important to ensure that the tuna industry can benefit all parties, in addition to attracting more foreign direct investments.

"The benefits to be gained are not only limited to tuna fishing activities, but also services such as ports, transport, storage, processing and others.

"The tuna fishing industry is growing and developing as one of the country's new sources of wealth," he told reporters after the launching ceremony of *Ibu Wira 1*, a Zone C3 tuna fishing vessel carrying the Malaysian flag yesterday.

He said in 2016, the Department of Fisheries Malaysia listed two ports in the country as tuna landing ports for vessels operating in the Indian Ocean, namely Penang Port and Langkawi Port.

However, he said both ports are less competitive compared with ports in other countries and the government is evaluating the industry needs in terms of facilities and on how to develop downstream activities.

He said the proposed development of a tuna landing port, at Batu Maung Jetty, will be in line with the ministry's intention to increase the entry of tuna vessels, boosting tuna landings in Malaysia.

"Until 2020, a total of 19 tuna fishing vessels and a tuna carrier vessel have been licensed and are operating in the Indian Ocean. Their total catch amounted to 3,005 tonnes worth RM40 million." – Bernama